**AKHBAR** : **BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT** : **1**
**RUANGAN** : **MUKA DEPAN**

**Terkini COVID-19** | **16** pulih, dibenar keluar hospital, semalam | **172** kes baharu disahkan, semalam | **20** jumlah kematian dicatat

Khamis, 26 Mac 2020 • 1 Syaaban 1441H
Tel: 1 300 22 6787
PP 41/10/2012 (030686)



## 'Kita mesti kuat'

*Kakitangan hadapan kesihatan mesti terus kuat. Kita adalah barisan terakhir pertahanan, negara bergantung kepada kita.*

*Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan*




Wadah Pembaharuan
BH BeritaHarian
Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

# Strategi sekat COVID-19



### Kawal pergerakan

- Kerajaan melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 14 April

### Cari dan rawat

- Kementerian Kesihatan Malaysia akan mencari, menyaring, mengasing dan merawat pesakit

### Tambah kapasiti

- Ujian saringan akan dilakukan pada skala lebih besar, khususnya di kawasan berisiko tinggi

Muka 2, 3, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 14, 15, 16, 33, 34, 35

### Ringankan beban rakyat

| Penangguhan bayaran pinjaman bank individu dan korporat, susun semula baki kad kredit | Pusat pungutan zakat negeri, NGO kebajikan diminta bantu golongan berpendapatan rendah dan asnaf | Semua kementerian diarah urus keperluan asas rakyat sepanjang tempoh PKP |
|---|---|---|

**AKHBAR** : BERITA HARIAN
**MUKA SURAT** : 2
**RUANGAN** : MUKA DUA (PENULARAN COVID-19)

Muka Dua KHAMIS, 26 MAC 2020 BH

*Penularan COVID-19*

Oleh Rafidah Md Ruzki, Mohd Anwar Patho Rohman, Mohamed Farid Noh, Sophia Ahmad, Mahanum Abd Aziz, Zanariah Abd Mutalib, Luqman Arif Abdul Karim, Safeek Affendy Razali, Nor Azizah Mokhtar, Syaherah Mustafa, Nor Farhani Che Ad, Dziyaul Afnan Abdul Rahman, Samadi Ahmad, Faris Fuad, Rosli Ilham dan Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

# Sedia strategi supaya rakyat cekal, tabah

## Ujian saringan besar-besaran dilaksana di kawasan berisiko tinggi




*Perutusan Khas Perdana Menteri* disiarkan secara langsung di Radio Televisyen Malaysia, semalam.

**Kuala Lumpur:** Kerajaan semalam mengumumkan beberapa strategi untuk menghadapi penularan wabak COVID-19 yang dijangka terus meningkat bagi mempersiapkan rakyat supaya terus cekal dan tabah menghadapi situasi yang semakin mencabar.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika membuat pengumuman itu berkata kerajaan terpaksa mengambil tindakan lebih drastik kerana bimbang jumlah kes COVID-19 meningkat berkali ganda jika kerajaan tidak melakukan apa-apa.

Antara langkah utama diumumkan ialah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan dua minggu lagi sehingga 14 April.

Pada 16 Mac lalu, Muhyiddin mengumumkan PKP bermula 18 Mac hingga 31 Mac ini.

Muhyiddin juga berkata, strategi kerajaan untuk membendung wabak ini adalah dengan mencari, menyaring, mengasing dan merawat pesakit.

Kapasiti Kementerian Kesihatan juga akan dipertingkatkan untuk melakukan ujian saringan secara besar-besaran, khususnya di kawasan yang berisiko tinggi.

Mengarahkan semua kementerian untuk membuat persiapan yang rapi bagi mengurus keperluan asas rakyat seperti bekalan makanan, elektrik, air, kutipan sampah, pembetungan, kemudahan komunikasi dan logistik sepanjang tempoh PKP.

Perdana Menteri menjelaskan lanjutan tempoh PKP dibuat selepas Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mendapati kes positif COVID-19 masih berlaku dan trend itu dijangka berterusan untuk beberapa ketika.

Sehingga jam 12 tengah hari semalam sebanyak 172 kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah kes positif mencecah 1,796 dengan 19 kematian.

"Anda yang berada di kampung tak perlu bergegas balik ke Kuala Lumpur. Duduklah dulu di kampung dan jangan ke mana-mana. Anak-anak yang sepatutnya balik ke asrama tak perlu balik ke asrama, pejabat yang ditutup tak perlu dibuka lagi.

"Bertenang dan jangan panik. Tidak perlu membeli makanan berlebihan kerana bekalan adalah mencukupi. Tempoh kuat kuasa PKP ini juga akan dikaji dari semasa ke semasa," katanya dalam perutusan khas selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.

Beliau berkata, kerajaan akan mengambil semua inisiatif yang perlu untuk mencegah penularan wabak ini sehingga dapat memutuskan rantaian jangkitan sepenuhnya.

Tegas beliau, strategi kerajaan hanya akan berjaya jika orang ramai tidak terdedah kepada jangkitan virus COVID-19 menerusi pergaulan harian.

"Jadi, saudara-saudari mesti bersedia secara mental dan fizikal untuk duduk diam-diam di rumah bagi tempoh yang agak lama.

"Apapun cabaran dan dugaan yang kita hadapi, tidak sekali-kali melemahkan semangat kita untuk meneruskan kehidupan. Apabila keadaan menjadi sukar, hanya yang tabah akan dapat menghadapi rungnya," katanya.

Muhyiddin berkata, kerajaan juga akan mengumumkan beberapa inisiatif untuk meringankan beban rakyat sepanjang tempoh menghadapi penularan wabak itu.

Antaranya, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang lebih menyeluruh, diumum esok, selepas mesyuarat khas Kabinet.

Beliau memberi jaminan pakej itu akan memberi manfaat kepada semua dan tidak akan ada mana-mana golongan tertinggal.

Semalam, Perdana Menteri turut mengumumkan langkah penangguhan bayaran dan penstrukturan semula pinjaman bank membabitkan nilai sekurang-kurangnya RM100 bilion dalam usaha membantu rakyat menghadapi kesan COVID-19.

Menerusi langkah itu, bank tempatan akan menawarkan moratorium atau penangguhan bayaran balik sehingga enam bulan kepada peminjam individu serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS), bermula 1 April. Pemegang kad kredit yang menghadapi kekangan kewangan boleh memilih untuk menukar baki kad kredit kepada pinjaman berjangka.

Bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan asnaf, Muhyiddin meminta Pusat Pungutan Zakat di semua negeri dan organisasi kebajikan membantu mereka yang menghadapi keadaan yang sukar ketika ini.

Muhyiddin mengakhiri perutusannya yang disiarkan secara langsung menerusi beberapa saluran televisyen utama dengan membaca doa agar rakyat, negara dan seluruh umat manusia dilindungi Allah SWT.

# Doa dilindungi, hindari wabak

**Kuala Lumpur:** "Kita berikhtiar sedaya upaya untuk menangani krisis yang sedang dihadapi ini, jangan lupa penentu kejayaan kita ialah tuhan yang maha kuasa," kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata demikian ketika pengumuman khas mengenai perkembangan penularan COVID-19 selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, semalam.

"Oleh itu, saya mengajak saudara-saudari sekalian menadah tangan memanjatkan doa ke hadrat Allah supaya diri kita, keluarga, negara dan seluruh umat manusia dilindungi.

"Kepada penganut agama bukan Islam, saudara-saudari bertafakur dan berdoalah mengikut ajaran agama masing-masing," katanya.

Perdana Menteri kemudian membacakan doa yang berbunyi,

*"Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim*
*Engkau ampunilah dosa-dosa kami*
*Engkau rahmatilah diri kami, keluarga kami dan negara kami*
*Engkau lindungilah hamba-hamba Mu yang kerdil ini dari segala musibah*
*Engkau jauhilah diri kami dari penyakit yang merbahaya dan wabak yang mengancam nyawa*
*Engkau hindarilah kami dari bala yang berat dan takdir yang buruk*
*Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim*
*Engkau berilah kekuatan, kecekalan dan kesabaran kepada kami untuk menghadapi dugaan-Mu yang berat ini*
*Engkau tiupkanlah ketenangan dalam jiwa kami*
*Sesungguhnya setiap dugaan yang Engkau turunkan kepada kami Ya Allah tiadalah ia melainkan untuk meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kami kepadaMu*
*Ya Allah Ya Rahman Ya Syaafi*
*Engkau berilah kesembuhan kepada saudara-saudara kami yang dijangkiti wabak coronavirus walau di mana sahaja mereka berada*
*Sesungguhnya tiada penyakit yang tidak dapat Engkau sembuhkan Ya Allah*
*Tiada mara bahaya yang tidak dapat Engkau jauhinya dari kami Ya Allah*
*Kami bermohon kepada-Mu Ya Allah*
*Lindungilah kami*
*Selamatkanlah kami*
*Sejahterakanlah hidup kami*

**AKHBAR** : BERITA HARIAN
**MUKA SURAT** : 3
**RUANGAN** : NASIONAL



*Khairy Jamaluddin Abu Bakar*

# MOSTI, KPT sedia 10 makmal saringan COVID-19

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 10 makmal diagnostik tambahan disediakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meningkatkan kapasiti ujian saringan COVID-19.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, memaklumkan 10 makmal diagnostik tambahan itu memiliki keupayaan untuk membantu KKM melaksanakan 42,420 ujian saringan dalam sebulan, atau 1,414 sehari.

"Bagi membantu KKM meningkatkan kapasiti ujian saringan COVID-19, KPT dan MOSTI menyediakan 10 makmal diagnostik tambahan di institusi pengajian tinggi (IPT), hospital universiti, serta satu makmal bergerak yang boleh dihantar ke kawasan titik panas (hotspot).

"Semua 10 makmal diagnostik tambahan ini akan dapat melaksanakan 42,420 ujian saringan sebulan atau 1,414 sehari.

"Selain itu, proses penilaian kit ujian COVID-19 yang dibangunkan oleh Mediven, sebuah syarikat tempatan akan dipercepatkan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Ahad lalu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, memaklumkan KKM kini memiliki 23 makmal termasuk lima makmal swasta yang menjalankan ujian saringan COVID-19.

Beliau menjangkakan KKM mampu menjalankan sehingga 16,000 ujian saringan setiap hari bermula bulan depan, berbanding 3,500 ujian sehari ketika ini. Jumlah itu jangka meningkat kepada 7,000 ujian sehari minggu depan.

Sementara itu, menjawab persoalan netizen yang bimbang negara bakal terjerumus dalam pandemik COVID-19 dan kemelesetan ekonomi pada waktu yang sama, Khairy menjelaskan, pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin esok, adalah bagi mengelak perkara itu berlaku.

"Kita mahu elakkan kedua-duanya, sebab itu pakej rangsangkan ekonomi (akan diumumkan)," katanya.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NASIONAL**



## Nasional

### Reaksi

*Memang risau bila PKP dilanjutkan tapi kita akur. Dalam keadaan ini, keselamatan dan nyawa orang awam menjadi keutamaan.*

**Mohd Adnan Arshad,**
*Kakitangan swasta*

*Saya harap orang ramai ambil serius arahan duduk rumah. Sumber pendapatan banyak pihak juga terjejas kerana hampir sebulan tak bekerja.*

**Syawal Johan,**
*Kakitangan swasta*

*Lega juga bila PKP dilanjutkan sebab kita bimbang dengan keadaan semasa. Syarikat tempat saya bekerja beri kelonggaran bekerja dari rumah, maka saya tiada masalah kerana ada lebih masa bersama keluarga.*

**Haziah Hamzah,**
*Jurutera*

*Saya dan isteri pulang ke kampung di Kelantan sebelum PKP kerana kedai makan kami dalam Universiti Teknologi ARA Kampus Seri andar, Perak tak t beroperasi. tepi soal rugi, n lebih utama.*

**Hazwan**

*Penularan COVID-19*

# Beri masa petugas kesihatan cuti rehat berperingkat

Doktor, jururawat sukarela sektor swasta ambil alih tugas buat sementara waktu


Petugas barisan hadapan di Hospital Kuala Lumpur yang ditugaskan untuk merawat pesakit COVID-19 memakai 'Personal Protective Equipment' sebelum memasuki wad. (Foto MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH)

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan diarah memberikan masa kepada petugas perubatan mengambil cuti rehat secara berperingkat sebelum kembali bertugas.

Perdana Menteri ketika mengumumkan perkara itu berkata, ia dimaklumkan kepada Kementerian Kesihatan kerana kerajaan menyedari doktor, jururawat dan kakitangan hospital ketika ini mengalami keletihan susulan penularan COVID-19.

"Sementara itu, tenaga sukarela dari kalangan doktor dan jururawat swasta serta badan sukarela akan digerakkan untuk mengambil alih tugas mereka buat sementara waktu.

"Begitu juga anggota polis dan tentera yang bertugas di lapangan. Jaga kesihatan anda dan terus cekal berkhidmat untuk negara.

"Kita sudah berikhtiar sedaya-upaya untuk menangani krisis yang sedang dihadapi ini, jangan kita lupa, penentu kejayaan kita ialah Tuhan Yang Maha Kuasa.

"Oleh itu, saya mengajak saudara saudari sekalian menadah tangan memanjatkan doa ke hadrat Allah supaya diri kita, keluarga, negara dan seluruh umat manusia dilindungi.

"Kepada penganut agama bukan Islam, saudara saudari bertafakur dan berdoalah mengikut ajaran agama masing-masing," katanya pada perutusan khas, semalam.

Menjangkakan COVID-19 yang melanda dunia sekarang dengan Malaysia tidak terkecuali mengalami keadaan lebih sukar, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan meningkatkan kapasiti ujian saringan dalam skala lebih besar bagi membendung penularan wabak.

Muhyiddin berkata, tindakan itu termasuk ujian secara besar-besaran khususnya di kawasan berisiko tinggi.

"Kerajaan menjangkakan kes baharu akan terus dicatat dalam masa terdekat. Kementerian Kesihatan sudah melakukan persiapan, termasuk menyediakan 3,585 katil di 34 buah hospital di seluruh negara untuk menerima pesakit COVID-19.

"Pada masa ini, 34 peratus daripada kapasiti katil hospital sudah digunakan dengan baki 66 peratus masih boleh menampung pesakit.

"Jika berlaku pertambahan jumlah kes positif COVID-19 melebihi kapasiti di hospital, beberapa tempat dikenal pasti untuk dijadikan pusat pengasingan dan kuarantin sementara," katanya.

# Saring pesakit tiada gejala jangkitan

**Kuala Lumpur:** Keputusan melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April ini wajar digunakan untuk melakukan saringan terhadap pesakit yang tidak mempunyai gejala COVID-19.

Pakar virologi, Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata penelitian terhadap kadar penularan wabak itu di Malaysia ketika ini menyaksikan setiap pesakit COVID-19 menjangkiti tiga individu yang tidak mempunyai gejala seperti batuk, selesema, sesak nafas dan demam.

Sehubungan itu, katanya, saringan secara besar-besaran yang bakal dilaksanakan sepanjang tempoh lanjutan PKP tidak seharusnya sekadar menyasarkan golongan bergejala.

"Gunakan *rapid test* atau ujian saringan COVID-19 secara pantas terhadap komuniti yang mendiami 'kawasan panas' seperti Petaling Jaya, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras dan Putrajaya.

"Mekanisme saringan ini lebih berkesan berpandukan saiz komuniti, masa dan keselamatan petugas perubatan, selain murah berbanding dengan kaedah Polimerase-Transkripsi Terbalik (RT-PCR).

"Berdasarkan harga di pasaran, 'rapid test' bernilai sekitar RM40 untuk sekali ujian, manakala RT-PCR adalah lapan kali ganda lebih mahal, iaitu sekurang-kurangnya RM300.

"Masuk ke 'kawasan panas' ini dan tubuhkan pusat pemeriksaan yang ditutupi penghadang plastik, tetapi hanya buka satu lubang sebesar saiz jari untuk mengambil sampel darah setiap individu," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam mengumumkan lanjutan tempoh PKP dua minggu lagi iaitu sehingga 14 April ini selepas mengambil kira kadar laporan kes COVID-19 yang masih berterusan saban hari.

Kerajaan akan turut menggunakan pendekatan melakukan saringan pada skala yang lebih besar, khususnya kawasan berisiko tinggi menerusi Kementerian Kesihatan.

Sazaly berkata, saringan menggunakan 'rapid test' dan kaedah pusat pemeriksaan dilitupi penghadang plastik berupaya menjamin keselamatan petugas kesihatan, selain menjaga jarak sosial dengan penduduk di 'kawasan panas'.

"*Rapid test* boleh diulang, sekurang-kurangnya pada minggu kelima selepas kali pertama ia dilakukan kerana ketika itu, sistem pertahanan badan mula menunjukkan tindak balas terhadap serangan virus, sekali gus memberikan petanda positif pada ujian.

"PKP ini ibarat perang, tetapi tidak berguna sekiranya kita tidak melakukan 'serangan' dengan pergi ke kawasan panas kes COVID-19 dan melakukan saringan secara besar-besaran," katanya.



*Gunakan rapid test secara pantas terhadap komuniti di 'kawasan panas' seperti Petaling Jaya, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras dan Putrajaya.*

**Sazaly Abu Bakar,**
*Pakar virologi*

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NASIONAL**



Nasional

## KKM belum cadang bawa masuk dua ubat antiviral, Favipiravir

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) belum bercadang membawa masuk dua jenis ubat antiviral, Favipiravir, yang dijual di pasaran bagi tujuan merawat COVID-19 di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ubat antiviral berkenaan atau dikenali dengan nama Avigan dari Jepun dan Fukaikan dari China masing-masing tidak didaftarkan dengan KKM.

"Ia boleh digunakan dengan kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan, namun kita perlu mengkajinya terlebih dahulu sebelum diluluskan.

"Dua ubat berkenaan mempunyai kesan sampingan dan memerlukan pemantauan rapi sekiranya digunakan," katanya pada sidang media harian perkembangan COVID-19 di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan pakar virologi, Prof Dr Sazaly Abu Bakar, yang menyarankan kerajaan membawa masuk ubat berkenaan bagi merawat pesakit COVID-19, berbanding menambah jumlah ventilator atau alat bantuan pernafasan di hospital.

Dr Noor Hisham berkata, bermula esok KKM menyasarkan 16,000 sampel dapat dilakukan menerusi kit ujian sehari, berbanding 6,000 ketika ini.

"Langkah berkenaan bagi meningkatkan keupayaan kementerian untuk memperluaskan saringan ujian secara besar-besaran dan penggunaan kit ujian berkenaan mampu memberikan keputusan yang cepat dan tepat.

"KKM mempunyai kemampuan melalui 18 makmal, ditambah lima milik swasta dan kita akan tingkatkan keupayaan untuk mengesan jangkitan berkenaan," katanya.

*Penularan COVID-19*

# Petugas kesihatan diminta terus tabah, jaga diri

### Perlu terus pikul tanggungjawab penting dalam perangi jangkitan




*Dr Noor Hisham pada sidang media harian berkaitan jangkitan COVID-19 di Kementerian Kesihatan di Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Putrajaya:** Petugas kesihatan di barisan hadapan diminta terus tabah dan sentiasa menjaga keselamatan diri kerana perlu terus memikul tanggungjawab penting dalam memerangi pandemik COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, menerusi catatan Facebook rasminya semalam, menyifatkan kumpulan petugas terbabit sebagai kelompok barisan pertahanan terakhir negara.

"Harapan negara kini disandarkan ke bahu kita. Sama ada kita berjaya atau tidak, ia bergantung kepada kita untuk meneraju perjuangan ini, dan melakukan yang terbaik demi Raja dan negara," katanya.

Menitip pesanan buat orang ramai, Dr Noor Hisham berkata, masyarakat boleh membantu perjuangan ini dengan berada di rumah dan membantu memutuskan rantaian penularan COVID-19, mengamalkan penjarakan sosial dan kerap membasuh tangan.

"Kementerian Kesihatan akan meneruskan strategi mengesan kes aktif, 'cari' buat ujian, asingkan dan rawat' semua yang dijangkiti, serta mengambil segala langkah kesihatan awam yang perlu di samping meningkatkan penjagaan kesihatan sedia ada.

"Mari kita lakukannya bersama, demi negara kita," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham pada sidang media hariannya semalam berkata, sejumlah 172 kes baharu COVID-19 dicatat setakat jam 12 tengah hari semalam, menjadikan kes positif wabak berkenaan meningkat kepada 1,796 di negara ini.

Katanya, siasatan pihaknya mendapati 71 daripada kes baharu itu mempunyai kaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Seri Petaling, baru-baru ini.

Beliau berkata, baki 101 kes masih dalam siasatan bagi menentukan punca sebenar jangkitan dan melihat sama ada ia berkait dengan kluster lain.

"Kementerian ingin memaklumkan ada 16 kes sudah pulih dan pesakit dibenarkan keluar hospital hari ini (semalam).

"Perkembangan terbaru ini menjadikan jumlah kes kumulatif yang diisytiharkan pulih sepenuhnya daripada COVID-19 dan dibenarkan discaj dari wad ialah 199," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, 45 pesakit positif COVID-19 kini menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 34 daripada mereka memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan, katanya, empat lagi kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan.

"Laporan terbaharu ini dan satu melalui siaran di laman Facebook Ketua Pengarah Kesihatan malam tadi (kelmarin), menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kepada 20 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kematian ke-16 ialah kes ke-1,334, membabitkan lelaki warganegara Malaysia berusia 75 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik dan dirawat di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan pada 16 Mac lalu sebelum dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur pada 18 Mac.

"Kesihatan beliau merosot dan diberi bantuan pernafasan di ICU sebelum disahkan meninggal dunia pada 24 Mac jam 7.40 malam.

"Kematian ke-17 ialah kes ke-1,251, iaitu lelaki warganegara Malaysia berumur 66 tahun dan turut memiliki latar belakang penyakit kronik serta disyaki mempunyai sejarah kontak dengan kes positif COVID-19," katanya.

Beliau berkata, pesakit menerima rawatan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor pada 20 Mac, namun tahap kesihatannya semakin merosot dan diberi bantuan pernafasan di ICU, tetapi disahkan meninggal dunia pada jam 4.10 petang semalam.

Katanya, kematian ke-18 adalah kes ke-1,625, lelaki warganegara Malaysia berumur 56 tahun.

"Beliau juga memiliki latar belakang penyakit kronik dan menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail, Johor pada 20 Mac dan disahkan meninggal dunia pada jam 2 pagi, 23 Mac lalu.

"Kes kematian ke-19 ialah kes ke-1,246, wanita warganegara Malaysia berumur 68 tahun. Beliau dirawat di Hospital Sultanah Nora Ismail, Johor pada 19 Mac, tetapi tahap kesihatannya semakin merosot dan diberi bantuan pernafasan di ICU sebelum disahkan meninggal pada jam 12.53 tengah malam tadi (kelmarin).

"Kes kematian ke-20 ialah kes ke-780 lelaki warga Malaysia berusia 76 tahun dan sudah menghadiri perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling. Beliau dirawat di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai, Kelantan, mulai 18 Mac dan disahkan meninggal dunia pada jam 4.35 petang semalam," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Noor Hisham berkata, lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April ini diharap dapat melandaikan graf penularan wabak COVID-19 di negara ini, susulan jangkaan yang dibuat bank pelaburan, JP Morgan, akan berlaku peningkatan sehingga 6,000 kes.

"Kita sudah laksanakan aktiviti awam serta PKP dan kita harap dapat mengesan dan memastikan kes positif diasingkan dan akan diberi rawatan. Tindakan ini diharap dapat mengurangkan kes positif dan tidak mencapai 6,000," katanya.

JP Morgan semalam menjangka Malaysia berhadapan dengan peningkatan sehingga 6,300 kes susulan PKP baru-baru ini.

Laporan itu menyebut, strategi pengujian Malaysia yang agresif dengan menggunakan kaedah 'ujian setiap juta kapita' untuk COVID-19 mendahului negara ASEAN dan beberapa negara Eropah.

JP Morgan berkata, langkah itu akan membawa 'kepada jumlah jangkitan yang dilaporkan tinggi dan memberi keyakinan terhadap perkembangan kes dan kadar kematian yang sederhana.

## 73 dikesan positif bukan akibat kendali kes jangkitan

**Putrajaya:** Seramai 73 anggota kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM) dikesan positif COVID-19 setakat ini, namun punca jangkitan bukan disebabkan oleh pengendalian kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata siasatan mendapati, punca jangkitan bagi 47 kes adalah berkaitan dengan majlis perkahwinan yang dihadiri oleh mereka yang menghadiri perhimpunan tabligh.

"Ia bukan disebabkan pengendalian kes positif COVID-19 di fasiliti kesihatan KKM.

"Lain-lain punca adalah sejarah melawat luar negara dan daripada kontak keluarga yang positif COVID-19," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, 1,895 anggota kesihatan KKM yang menguruskan pesakit COVID-19 di fasiliti kesihatan menjalani ujian pengesahan dan 1,187 orang adalah negatif.

Katanya, baki 708 orang lagi masih menunggu keputusan.

Dr Noor Hisham berkata, semua anggota kesihatan dan barisan hadapan dinasihatkan mengamalkan langkah pencegahan seperti yang disarankan, terutama dalam memastikan tangan sentiasa bersih, mengamalkan jarak sosial dan pemakaian alat pelindung diri (PPE) mengikut keperluan.

Beliau turut meminta semua anggota kesihatan dan barisan hadapan memaklumkan kepada ketua jabatan masing-masing jika terbabit secara langsung atau mempunyai hubungan dengan kontak.

Antara program itu adalah ijtimak tabligh di Seri Petaling dari 27 Februari hingga 3 Mac, kenduri majlis perkahwinan di Bangi pada 6 Mac dan di Putrajaya pada 7 Mac.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : LOKAL**



PELBAGAI komplikasi yang dihadapi oleh warga emas mendedahkan mereka kepada keparahan jangkitan.

# Lemah imunisasi

*Pesakit golongan warga emas hadapi risiko tinggi*




Oleh Muhammad Saufi Hassan & Nurul Husna Mahmud
am@hmetro.com.my

> *Jika dilihat kepada bukti ini jelas menunjukkan bahawa seseorang warga emas yang menghidapi penyakit diabetes, penyakit itu sudah melemahkan satu fungsi sistem imun di dalam badan seseorang"*
>
> **Dr Noran Naqiah Hairi**



**Kuala Lumpur**

Angka kematian berkaitan virus Covid-19 membabitkan golongan warga emas dilihat lebih tinggi berikutan kategori umur berkenaan menghadapi lebih banyak komplikasi penyakit lain, sekali gus melemahkan imunisasi serta terdedah dengan serangan virus.

Ketua Pusat Epidemiologi dan Amalan Berasas Bukti, Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM) Prof Dr Noran Naqiah Hairi berkata, kategori umur berkenaan kebiasaannya mempunyai pelbagai penyakit terutamanya diabetes mellitus, masalah pernafasan dan beberapa rangkaian penyakit lain.

"Jika dilihat kepada bukti ini jelas menunjukkan bahawa seseorang warga emas yang menghidapi penyakit diabetes, penyakit itu sudah melemahkan satu fungsi sistem imun di dalam badan seseorang.

"Golongan ini yang memiliki sistem imun yang lemah sangat terdedah dengan serangan virus terutamanya ketika penularan Covid-19 dan ini yang dihadapi bukan saja di negara kita, malah negara lain yang turut mendepani virus terbabit.

"Umur ini adalah proksi atau pengganti (*surrogate*) kepada sesuatu penyakit yang sedang dihidapi oleh seseorang dan ia membuat mereka sangat terdedah dengan sebarang virus," katanya kepada Harian Metro ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu, Presiden Mercy Malaysia yang juga pakar perunding perubatan respiratori Datuk Dr Ahmad Faizal Perdaus tidak menafikan jumlah kematian Covid-19 ini lebih kerap berlaku dalam kalangan warga tua.

"Sehingga hari ini jumlah kematian dilihat lebih banyak membabitkan warga emas berbanding golongan muda mahupun kanak-kanak. Jadi ini memberi gambaran mengenai dua unsur demografi yang jelas membabitkan kematian akibat wabak ini.

"Pertama, kematian lebih ramai dalam kalangan lelaki berbanding wanita selain kadar risiko kematian meningkat seiring dengan peningkatan usia.

"Perincian untuk itu ialah kadar kematian untuk Covid-19 adalah tiga kali ganda bagi pesakit berumur 65 tahun ke atas berbanding kumpulan usia lebih muda.

"Manakala keadaan lebih buruk bagi pesakit berusia 75 tahun ke atas risiko kematian meningkat sekali ganda berbanding kumpulan umur 65 tahun dan ke atas," katanya.

Ini merujuk kepada pelbagai faktor kesihatan warga tua berdasarkan enam aspek yang diperincikan pihaknya.

Antaranya, tahap kesihatan keseluruhan warga tua yang kurang berbanding golongan muda, warga tua yang menghidapi penyakit jangka panjang (kronik) yang boleh menurunkan imuniti dan lain-lain.







## RINGKAS

### Dua daerah catat kes tertinggi

**Kuala Lumpur:** Dua daerah berjiran di Lembah Klang mencatatkan kes tertinggi jangkitan Covid-19 di negara ini dengan Lembah Pantai sebanyak 167 kes dan diikuti Petaling Jaya merekodkan 158 kes.

Statistik setakat jam 12 tengah hari kelmarin yang dikeluarkan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) itu menunjukkan peningkatan kes hampir dua kali ganda dalam tempoh tiga hari.

Terdahulu, angka dicatatkan pada 22 Mac lalu bagi kes jangkitan wabak Covid-19 di Lembah Pantai adalah 90 kes manakala Petaling Jaya berjumlah 96 kes.

Dalam perkongsian di Facebook Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah semalam, peta taburan jangkitan mendapati penularan wabak dilihat semakin membimbangkan.

> Penularan wabak dilihat semakin membimbangkan

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : LOKAL**



**lokal**

PANDEMIK COVID-19

FOTO: MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

# Ayuh bersama tamatkan 'perang' ini

*Petugas kesihatan reda tapi hati-hati*




*"Apa pilihan yang saya ada kerana ini adalah tuntutan kerja dan tanggungjawab"*
Petugas kesihatan

ADA jururawat terpaksa bertugas lebih 14 jam sehari.

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Mereka inilah wira tak didendang yang kini berjuang dalam peperangan menentang wabak koronavirus baharu (Covid-19).

Setiap kali kematian berlaku, mereka inilah orang pertama yang akan menangis dan kecewa kerana berasakan 'kalah' dengan virus itu.

Permintaan mereka hanya satu, untuk menang dalam misi perang ini.

Bagi barisan hadapan terdiri daripada kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu doktor, jururawat, pembantu perubatan dan apa saja gelaran, mereka adalah wira tak didendang buat rakyat Malaysia.

Tanpa mereka, pastinya negara ini sudah tewas dalam menentang 'perang' alaf baru ini.

Beberapa jururawat dan doktor yang ditemu bual berharap wabak ini pergi segera supaya semua orang dapat menjalani kehidupan normal seperti hari sebelumnya.

Bagi jururawat di sebuah hospital di Terengganu ini, setiap kali bertugas timbul ketakutan dalam diri kerana bimbang virus itu menjangkiti dirinya walaupun sudah mengambil semua langkah pencegahan.

"Sebagai manusia biasa, kita tidak boleh lari daripada ketakutan dijangkiti namun apa pilihan yang saya ada kerana ini adalah tuntutan kerja dan tanggungjawab.

"Setiap kali berdepan pesakit Covid-19, kami begitu berhati-hati namun reda sekiranya dijangkiti.

"Kami tiada pilihan lain, alangkah bagusnya sesetengah orang diberi cuti dua minggu ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dan risiko untuk terdedah dengan virus itu mungkin sifar," katanya yang berusia 30-an.

Akuinya, walaupun penat kerana ada antara mereka yang bertugas lebih 14 jam sehari namun puas kerana dapat berkhidmat untuk masyarakat.

"Sebelum pulang ke rumah, kami diarahkan untuk mandi dan menukar pakaian terlebih dulu sebagai langkah pencegahan.

"Kami juga tidak dibenarkan keluar daripada wad bertugas, semua makanan dan keperluan ubat-ubatan juga dihantar ke wad kami," katanya yang sudah berkhidmat lebih tujuh tahun.

Seorang lagi jururawat berkongsi pengalaman yang sama dan merasakan kadang-kadang nyawa berada di hujung tanduk kerana bila-bila masa saja dia boleh dijangkiti virus itu selepas menguruskan pesakit yang positif.

Dia yang berusia awal 40-an bertugas di sebuah hospital di Lembah Klang berkata, pengorbanan terpaksa meninggalkan anak untuk dijaga ahli keluarga lain selepas taska ditutup begitu meruntun jiwa.

"Mujur tiga anak saya faham tugas ibunya, walaupun kadang-kadang saya tidak dapat pulang ke rumah tepat pada masanya namun mereka faham.

"Selepas negara digemparkan dengan Covid-19 ini, rasanya sudah lama saya tidak memeluk mesra anak kerana bimbang mereka akan dijangkiti.

"Malah, saya akan mandi tiga kali selepas pulang daripada kerja kerana kadang-kadang timbul perasaan curiga bimbang virus itu masih melekat," katanya.

Seorang petugas kesihatan dalam status Facebooknya, Nadiya Ali berharap semua rakyat Malaysia dapat bersatu memberi kerjasama kepada kerajaan.

"Kami yang jaga corona (koronavirus) ini sangat penat. Tak sempat solat (terpaksa solat jamak) dan makan. Balik lambat satu hingga dua jam itu semestinya sebab ada banyak benda untuk diselesaikan.

"Balik rasa risau bila dapat pesakit positif. Air mata mengalir tidak tentu masa, tidak fikir pun pasal corona, tiba-tiba automatik keluar air mata, tidak tahu kenapa," katanya.

## 'Harapan negara kini di bahu kita'

**Kuala Lumpur:** Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah menyeru petugas kesihatan di barisan hadapan agar terus tabah dan sentiasa menjaga keselamatan diri kerana mereka perlu terus memikul tanggungjawab penting dalam memerangi pandemik Covid-19.

Menerusi catatan Facebook rasminya, beliau berkata, apa yang lebih penting ialah petugas ini merupakan kelompok barisan pertahanan terakhir negara dan 'harapan negara kini disandarkan ke bahu kita.'

"Sama ada kita berjaya atau tidak, ia bergantung kepada kita untuk meneraju perjuangan ini dan melakukan yang terbaik demi Raja dan negara," katanya.

Kepada orang ramai, Dr Noor Hisham berkata, setiap orang boleh membantu untuk memenangi perjuangan ini dengan berada di rumah dan membantu dalam memutuskan rantaian penularan Covid-19, mengamalkan jarakan sosial dan kerap membasuh tangan. - Bernama

## Cuti berehat berperingkat



**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diarah memberi sedikit masa kepada petugas kesihatan supaya mengambil cuti rehat secara berperingkat sebelum mereka kembali bertugas.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tenaga sukarela dalam kalangan doktor dan jururawat swasta dan badan sukarela akan digerakkan untuk mengambil alih tugas mereka buat sementara waktu.

"Situasi yang dihadapi oleh saudara-saudari bukan mudah. Saya tahu doktor, jururawat dan kakitangan hospital amat keletihan pada masa ini. Saya doakan saudara-saudari terus cekal.

"Begitu juga kepada anggota polis dan tentera yang bertugas di lapangan. Jaga kesihatan anda dan terus cekal berkhidmat untuk negara.

"Kita sudah berikhtiar sedaya-upaya kita untuk menangani krisis yang sedang kita hadapi ini. Jangan kita lupa, penentu kejayaan kita ialah Tuhan Yang Maha Kuasa," katanya pada Perutusan Khas Perdana Menteri di Bangunan Putra Perdana, Putrajaya, semalam.

Muhyiddin berkata sebagai Perdana Menteri beliau turut berjanji bertanggungjawab sepenuhnya kepada kebajikan rakyat.

"Ini amanah yang saya pikul. Sebagai manusia saya tidak sempurna, tetapi saya berjanji akan melakukan yang terbaik. Insya-Allah, dengan izin Allah SWT kita akan dapat bersama-sama mengharungi dugaan besar ini," katanya.

Beliau turut mengakhiri Perutusan Khas dengan membacakan doa ke hadrat Allah SWT supaya diri, keluarga, negara dan seluruh umat manusia dilindungi oleh-Nya, manakala bagi yang bukan beragama Islam dimohon berdoa mengikut ajaran agama masing-masing.

**RINGKAS**

## Jemaah tabligh terkandas di Nunukan

**Tawau:** Enam jemaah tabligh Malaysia yang baru pulang daripada misi dakwah di Makassar, Sulawesi, Indonesia, dilaporkan terkandas di pelabuhan Nunukan, kelmarin.

Difahamkan semua jemaah terbabit dalam misi dakwah di wilayah berkenaan sejak 11 Mac lalu sebelum tiba di Pelabuhan Liem Hie Djung, Nunukan, untuk pulang ke Tawau melalui jalan laut.

Memetik laporan portal berita KhabarUtara.com, Ketua Pejabat Kesihatan Pelabuhan Nunukan, Dr Bahrullah berkata, selepas saringan kesihatan dijalankan kesemua mereka ditempatkan di pusat tahanan semenatara (Rusunawa).

Katanya, enam jemaah tabligh berkenaan didapati memiliki sejarah lawatan perjalanan dari Makassar iaitu satu daripada bandar di wilayah yang mempunyai kes Covid-19.

"Jadi, ini upaya 'safety' kita, kerana mereka datang dari lokasi yang ada kes kematian akibat wabak Covid-19, kita sediakan kemudahan sewajarnya.

"Mereka keluar dari Malaysia untuk misi dakwah sekitar 11 Mac sebagaimana maklumat (keterangan) pada pasport masing-masing, ertinya sebelum (Perintah Kawalan Pergerakan) iaitu pada 18 Mac 2020.

"Sementara ini mereka akan kita observasi di Rusunawa sampai (Perintah Kawalan Pergerakan) dibuka," katanya.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 15**
**RUANGAN : LOKAL**

Harian Metro | Khamis 26.03.2020 @hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my A15

**lokal**

# 172 kes baharu




## Empat lagi korban dicatat menjadikan 19 kematian direkod

Oleh Suraya Roslan
raya@hmetro.com.my

Lumpur

anyak empat lagi ke- atian dicatatkan se- lam menjadikan ju- kematian akibat Co- rekodkan di negara gga jam 12 tengah alam.

Pengarah Kesiha- Dr Noor Hisham berkata, dua kes embabitkan ke- s ke-1,625 mem- orang lelaki war- n berusia 56 ta-

mempunyai se- cit kronik dan dirawat di Hospital Sultan Ismail, Johor pada 20 Mac lalu sebelum disahkan meninggal dunia pada 23 Mac, jam 2 pagi.

"Kes kematian ke-19 membabitkan kes ke-1,246 iaitu seorang wanita Malaysia berusia 68 tahun yang sebelum ini dirawat di Hospital Sultanah Nora Ismail, Johor pada 19 Mac lalu.

"Kesihatan mangsa merosot dan diberi bantuan pernafasan di Unit Rawatan Rapi dan disahkan meninggal dunia pada hari ini (semalam) jam 12.53 pagi," katanya dalam sidang media harian, semalam.

Menurutnya, sehingga semalam, terdapat 172 kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 1,796 kes.

"Berdasarkan siasatan awal, 172 kes baharu yang dilaporkan hari ini (semalam) membabitkan 71 kes berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Seri Petaling manakala baki 101 kes masih dalam siasatan dan mungkin berkaitan dengan lain-lain kluster.

"Sehingga kini, seramai 45 kes positif Covid-19 sedang dirawat di ICU dan 34 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.


DR Noor Hisham

# Pesara tentera mangsa Covid-19

Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan mengesahkan mangsa ke-16 yang meninggal dunia akibat Covid-19 adalah seorang pesara tentera berpangkat leftenan kolonel.

Menterinya Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob berkata, mangsa adalah veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berusia 75 tahun.

"Arwah menunjukkan gejala lima hari sebelum dimasukkan ke Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan pada 16 Mac lalu dan seterusnya dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur pada 18 Mac lalu.

"Kesihatan arwah merosot lalu dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk bantuan pernafasan dan disahkan positif Covid-19 pada 21 Mac namun disahkan meninggal dunia pada 24 Mac, jam 7.40 malam. Jenazah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Taman Keramat semalam," katanya dalam sidang media, semalam.

Ismail Sabri berkata, bayaran khairat kematian berjumlah RM3,000 dimasukkan ke akaun waris semalam.

> *Bagi pihak kementerian dan kerajaan, kami mengucapkan takziah kepada keluarga arwah"*
>
> *Ismail Sabri Yaacob*

"Selain itu, waris akan menerima pencen terbitan berjumlah lebih RM2,000 setiap bulan.

"Bagi pihak kementerian dan kerajaan, kami mengucapkan takziah kepada keluarga arwah," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri mengumumkan pembayaran Skim Bantuan Kebajikan sebanyak RM300 akan disalurkan kepada lebih 4,800 penerima veteran ATM seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas dan anak yatim bawah 18 tahun bermula 1 April ini.

"Selain itu, pembayaran dana kutipan jalanan Kempen Tabung Pahlawan 2019 mencecah RM5.3 juta akan disalurkan kepada 74 persatuan veteran ATM termasuk *matching grant* yang akan dibayar dengan kadar segera selewatnya akhir Mac ini.

"Ini termasuk insentif RM15,000 hasil kutipan melebihi RM30,000, pembayaran semula dana kutipan jalanan dan *matching grant* serta insentif persatuan veteran ATM membabitkan dana kempen Tabung Pahlawan 2019 berjumlah RM5.3 juta.

"Kutipan daripada jalanan berjumlah RM2.5 juta manakala *matching grant* daripada Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) lebih RM2.5 juta," katanya.

Menurutnya, pembayaran elaun kenangan Pingat Jasa Malaysia, Kementerian Pertahanan bersetuju mempercepatkan fasa kedua iaitu pemberian sebanyak RM500 secara *one off* pada minggu akhir Mac kepada 40,000 penerima membabitkan peruntukan RM20 juta.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19**



MEMERANGI WABAK COVID-19

# Berperang dengan musuh tidak nampak

*Langkah melanjutkan PKP bukan keputusan mudah namun perlu dilakukan*

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April ini bukanlah satu keputusan mudah yang diambil oleh kerajaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, keputusan itu sudah pastinya membebankan rakyat, bagaimanapun terpaksa dilakukan dengan mengambil kira fakta kesihatan, sains dan epidemiologi sebagai langkah meratakan lengkung jangkitan koronavirus (Covid-19).

Beliau turut menyifatkan bahawa Malaysia kini sedang berperang dengan musuh yang tidak dapat dilihat, malah mendorong banyak negara lain melaksanakan perintah berkurung atau peraturan lebih ketat.

"Masa untuk berperang memerlukan pengorbanan yang luar biasa. Sekiranya penyebaran jangkitan tidak dibendung, kita mungkin tidak mempunyai peralatan kesihatan yang mencukupi seperti ventilator dan katil di unit rawatan rapi untuk merawat pesakit," katanya menerusi Twitter beliau semalam.



KHAIRY JAMALUDDIN

Khairy berkata, sekiranya PKP yang bermula pada 18 Mac lalu dan dijadualkan berakhir pada 31 Mac ini tidak dilanjutkan, pengorbanan rakyat selama dua minggu itu hanya akan menjadi sia-sia.

Sementara itu, mengenai pakej rangsangan ekonomi yang lebih komprehensif bakal diumumkan Perdana Menteri dalam masa terdekat, Khairy memberi jaminan bahawa kerajaan akan berusaha sebaik mungkin untuk membantu rakyat dalam tempoh kesulitan ekonomi ketika ini.

Selain itu, katanya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi, dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menubuhkan 10 makmal diagnostik tambahan di institusi pengajian tinggi dan hospital universiti.

## Cadang tangguh aktiviti masjid, surau sehingga selesai PKP

**PUTRAJAYA** - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri mencadangkan supaya aktiviti masjid dan surau ditangguhkan sehingga berakhirnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jelas beliau, cadangan itu selaras dengan Resolusi Dalam Talian Ahli-Ahli Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 20 Mac 2020.



DR ZULKIFLI

"Resolusi tersebut ialah penangguhan semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah sebelum ini dilanjutkan atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan kerajaan dari masa ke masa.

"Bagi perkara kedua, saya menyerahkan pertimbangan dan keputusan pihak berkuasa agama Islam di setiap negeri," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Dr Zulkifli berkata, pihaknya akan memastikan perjalanan misi #musaadahcovid19 terus diperkasakan.

Menurutnya, PKP tidak menghalang agensi-agensi terlibat melaksanakan amanah itu.

Komitmen itu jelas dibuktikan menerusi perkongsian di hantaran Facebook beliau semalam apabila buat pertama kali dalam sejarah, jabatan itu menjalankan Mesyuarat Pasca Kabinet menerusi sidang video.

"Seingat saya, ini kali pertama dalam sejarah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Mesyuarat Pasca Kabinet dijalankan melalui sidang video.

"Tempoh PKP tidak menjadi alasan untuk agensi-agensi di bawah saya untuk hanya berehat di rumah," katanya.

## Hanya syarikat yang keluar barangan penting dibenarkan beroperasi

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berkata, syarikat yang mengeluarkan barangan penting yang telah mendapat kelulusan kementerian itu boleh terus beroperasi semasa tempoh lanjutan Perintah Kawalan Lanjutan (PKP) sehingga 14 April depan.

Menurut MITI, ini juga terpakai kepada syarikat yang telah menerima kebenaran untuk mengekalkan mesin-mesin perkilangan mereka dalam mod 'sedia'.

"Bahagian logistik pengilang yang telah menerima kelulusan MITI juga boleh beroperasi. Untuk pengilang yang telah diberi kebenaran operasi tetapi menggunakan pembekal perkhidmatan logistik atau individu, mereka dinasihati untuk mendapatkan kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, pekerja tersenarai dalam permohonan syarikat yang diluluskan oleh MITI dibenarkan untuk terus bekerja dengan dokumentasi sokongan seperti senarai kakitangan terlibat serta surat kelulusan MITI. - *Bernama*

### Hukuman di beberapa negara terhadap individu yang ingkar peraturan bagi mengekang Covid-19

**MALAYSIA**
Individu yang melanggar peraturan di bawah Seksyen 24 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda.

**CHINA**
Mereka yang melanggar peraturan akan ditahan dan dikenakan hukuman dengan segera termasuk dijatuhi hukuman mati.

**ARAB SAUDI**
Denda sebanyak 10,000 riyal dan penjara bagi mereka yang melakukan kesalahan berulang kali dan melanggar peraturan kawalan pergerakan.

**INDONESIA**
Penjara paling lama 1 tahun 4 bulan atau denda paling tinggi sebanyak 4,500 rupiah.

**THAILAND**
Mereka yang melanggar arahan berdepan hukuman maksimum penjara setahun dan denda 100,000 bath atau kedua-duanya.

**UNITED KINGDOM**
Perintah kawalan pergerakan dikuatkuasakan dan mereka yang ingkar akan didenda.

**AMERIKA SYARIKAT**
Denda dikenakan kepada mereka yang melanggar arahan kuarantin dan jarak hubungan sosial.

**IRAN**
Pihak berkuasa negara itu meminta rakyatnya supaya tidak melakukan sebarang perjalanan. Bagaimanapun, belum ada lagi perintah berkurung dikenakan terhadap rakyat negara itu.

**ITALI**
Penduduk yang melanggar peraturan boleh dikenakan denda dan dipenjara beberapa bulan.

**SEPANYOL**
Penduduk yang ingkar boleh didenda €206 atau penjara selama tiga bulan.

**AUSTRALIA**
Hukuman berat akan dilaksanakan sekiranya melanggar perintah kuarantin di rumah.

**JERMAN**
Hukuman penahanan akan dikenakan bagi mereka yang ingkar perintah kawalan pergerakan.

## Tempoh bekerja dari rumah bagi penjawat awam dilanjutkan

**PUTRAJAYA** - Tempoh bekerja dari rumah bagi penjawat awam dilanjutkan sehingga 14 April depan selaras dengan pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

